



**PERUTUSAN TAHUN BARU 2019:
OLEH
DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku.

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

**ALHAMDULILLAHHIR RABBIL A'ALAMIN
WASSALATUWASSALAM MUALA ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN
WA'ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya, kita telah berjaya menempuh tahun 2018 dengan cemerlang. Sukacita saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di atas kebersamaan dan semangat yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun 2018.

Di kesempatan ini, DOSM ingin mengucapkan tahniah kepada pentadbiran Negara baru yang menekankan aspek pentadbiran yang mengutamakan undang-undang (*the rules of law*). *The rules of law* adalah penting bagi menjayakan sebuah pentadbiran demokratik di



samping penggunaan statistik untuk pembentukan polisi berasaskan fakta dan perancangan pembangunan Negara.

Sepanjang tahun lalu, kita juga menerima berita yang mendukacitakan apabila beberapa warga DOSM yang kita kasihi telah pergi buat selama-lamanya, mendahului kita semua. Pada kesempatan ini, marilah kita menyedekahkan Al-Fatihah kepada semua arwah, semoga mereka ditempatkan dalam golongan yang dirahmati Allah SWT.

IMBASAN KEGEMILANGAN 2018

Pelantikan Pengerusi Agensi Antarabangsa

Seperti tahun-tahun yang lalu, DOSM terus melakar kecemerlangan dalam pelbagai arena. DOSM melalui Ketua Perangkawan telah dilantik sebagai *Chairman, Members of the Bureau, Organisation of Islamic Cooperation Statistical Commission (OIC-StatCom)* bagi tempoh 2018 – 2019 pada sidang ke-7 OIC-StatCom yang berlangsung pada 2-3 Mei 2018 di *Statistical, Economic and Social Research and Training Center for Islamic Countries (SESRIC)*, Ankara, Turki.

OIC-StatCom adalah platform untuk Sistem Statistik Kebangsaan Negara-Negara Anggota OIC berkongsi pengetahuan dan bertukar pengalaman serta amalan terbaik dengan tujuan untuk meningkatkan penghasilan statistik mereka sambil dipandu oleh objektif dan prinsip



untuk memperkuat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan Negara anggota.

Pengiktirafan Antarabangsa ini diteruskan lagi apabila Ketua Perangkawan dilantik pula sebagai *Chairman of the Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia And the Pacific (ESCAP)* bagi tempoh 2018 – 2020. Pelantikan ini telah diadakan pada sidang ke-6 ESCAP yang berlangsung pada 16 – 19 Oktober 2018 di United Nation ESCAP, Bangkok, Thailand. Kedua-dua pelantikan ini adalah merupakan pengiktirafan berprestij kepada DOSM khususnya dan sistem statistik negara, amnya.

Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat

Tanggal 25 Julai 2018, DOSM telah mencatatkan satu lagi peristiwa bersejarah apabila YAB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan dua buah buku Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 dan My Local Stats 2017 yang julung kalinya diterbitkan oleh DOSM pada **Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat** yang telah diadakan di Universiti Multimedia Cyberjaya (MMU) pada 25 Julai 2018.

Penerbitan Laporan Sosioekonomi dan *My Local Stats* mengikut negeri ini mengandungi statistik *small area* iaitu peringkat daerah pentadbiran yang akan memberi pelbagai manfaat kepada setiap segmen masyarakat seperti ahli ekonomi, akademik dan individu bagi tujuan penyelidikan dan analisis yang lebih spesifik. Statistik ini melengkapkan ekosistem statistik negara di mana ia berasaskan “daripada rakyat untuk rakyat” dan data yang dikumpul oleh DOSM



dapat membantu kerajaan untuk membuat dasar, perancangan dan pemantauan berasaskan statistik sebagai bukti.

Hari Statistik Negara 2018

Hari Statistik Negara (MyStats Day) telah diadakan dan disambut bagi tahun kedua pada tahun ini dengan bertemakan “*Better Data, Better Lives*” atau “Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera” pada 20 Oktober 2018 bertempat di Universiti Tenaga Nasional, Bangi, Selangor yang telah dirasmikan oleh YB. Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Pelbagai pengisian program telah dilaksanakan di seluruh Negara yang melibatkan lebih 10,000 peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada dari peringkat pra-sekolah sehingga ke golongan profesional di sepanjang bulan Oktober sehingga November 2018 bagi meraikan hari yang istimewa ini, antaranya ialah Sabah *Stats Run*, Sukan Antara Agensi, Kembara Statistik, FitDOSM Perdana, *Stats Explorace*, Sesi Bersama Komuniti dan *Fun Walkathon*, *Datathon* dan *Malaysia Statistics Conference (My Stats) 2018*.

Sambutan ini memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan literasi statistik di kalangan masyarakat dan membudayakan statistik sebagai input dalam membuat keputusan yang tepat berasaskan fakta, merumuskan sesuatu kesimpulan dengan pemilihan yang terbaik dan merangka sesuatu program atau aktiviti dengan berkesan. Aktiviti sambutan Hari Statistik Negara merupakan salah satu platform untuk memperkukuhkan kerjasama pembekal-pembekal data sama ada



melibatkan orang awam atau individu, mahupun agensi kerajaan dan swasta.

KETERLIHATAN JENAMA DOSM

Keluaran Statistik Baru

Sejak mengambil alih kepimpinan DOSM pada 2017, saya telah mendambakan aspirasi untuk menjadikan DOSM sebagai satu jenama global melalui pelbagai pendekatan aktiviti penjenamaan, termasuklah komunikasi media massa, media sosial, publisiti dan *engagement* bersama kementerian dan agensi mahupun di dalam dan luar Negara.

Mengikut rekod yang diperoleh sejumlah 1,200 berita/liputan/petikan yang berkaitan DOSM telah diterbitkan dalam pelbagai media massa sama ada bercetak mahupun *online* pada tahun 2018 berbanding 1,050 pada 2017. Secara tidak langsung, berita/liputan/petikan ini telah memberikan ruang publisiti dan hebahan secara percuma kepada DOSM dalam memperlihatkan statistik kepada masyarakat umum.

Di samping itu, bagi tujuan literasi statistik dalam bentuk yang lebih mudah difahami umum dan dekat dengan hati pengguna, DOSM juga telah menerbitkan sebanyak 198 *Stats Alert* iaitu statistik dalam bentuk infografik dengan purata sebanyak 17 *Stats Alert* sebulan. Ini termasuk juga hebahan penerbitan pada setiap keluaran kepada lebih 6,600 penerima iaitu melalui emel terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan



dan Negeri, Kedutaan Malaysia di luar Negara, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, pengetua, guru besar dan lain-lain lagi.

Dari aspek produk statistik, DOSM telah menerbitkan 304 penerbitan pada tahun 2018, iaitu 192 penerbitan secara bulanan, 46 penerbitan secara suku tahunan dan 66 penerbitan secara tahunan serta *ad-hoc*. Pada tahun 2018 juga, DOSM turut terus mengeluarkan **produk baru** iaitu **15 penerbitan** Laporan Sosioekonomi Negeri-negeri, **14 penerbitan** My Local Stats Negeri-negeri, **2 penerbitan** daripada laporan Banci Ekonomi 2016 iaitu Statistik Pelancongan dan Statistik Tenaga & Utiliti. Di samping itu, **4 lagi penerbitan** baru iaitu Statistik Guna Tenaga, Statistik Jenayah Malaysia 2018, Statistik Perkahwinan & Perceraian dan *The Initial Assessment of The Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia 2018* juga telah diterbitkan pada penghujung tahun 2018. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan, kepada responden terpilih dan kementerian/agensi yang telah memberikan kerjasama berterusan dalam menjayakan banci dan survei yang dilaksanakan oleh DOSM.

Komunikasi Strategik

Komunikasi strategik menjadi alat pengukuran yang penting dalam pengukuhan citra DOSM dan penyampaian secara komprehensif. Justeru, penggunaan teknologi digital dan media sosial menjadi wahana yang kritikal dalam membentuk pendekatan komunikasi semasa yang menepati situasi dan kumpulan sasaran masa kini. Sehingga 31 Disember 2018, DOSM mempunyai jumlah pengikut berdasarkan aplikasi media sosial seperti berikut: *Facebook* (FB) (14,325), *Twitter* (2,850) dan *Instagram* (1,542). Facebook merupakan jaringan sosial yang paling popular dan sepanjang 2018, dengan lebih 1,500 *posting*,



jumlah *LIKE* dan *follower Facebook* (FB) rasmi DOSM telah meningkat masing-masing kepada 13,775 dan 14,170 berbanding 5,400 yang direkodkan pada tahun 2017.

Realiti hari ini menampakkan ledakan media sosial dan rangkaian teknologi banyak mempengaruhi landskap komunikasi dan penyampaian maklumat. Justeru itu, kita perlu memanfaatkan kelebihan media sosial untuk meraih maklum balas dan mendapatkan idea baharu dan relevan dengan perkembangan masa kini. Melalui media sosial, kita banyak berkongsi maklumat yang informatif dan terkini, menyampaikan dan menyebarkan penerbitan statistik serta meluaskan penyebaran ilmu untuk manfaat masyarakat. Justeru, media sosial dan rangkaian teknologi aplikasi seumpama ini mestilah menjadi instrumen dan wahana DOSM untuk mencerna informasi atau mendengar cadangan yang amat berguna bagi penambahbaikan yang berterusan, dan sekali gus menjadikan DOSM terus kekal relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

TEKNOLOGI DALAM PENGHASILAN PRODUK

Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring Dashboard

Bagi mendepani cabaran pada masa kini, DOSM telah mengorak langkah dalam membangunkan beberapa sistem bagi memperkejatkan pengeluaran statistik. Pada tahun ini DOSM telah **mendahului** dalam memulakan Pembangunan *Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring Dashboard*. Pembangunan ini merupakan satu inovasi dalam menyediakan infrastruktur teknologi bagi penyusunan pelbagai jenis data daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan komitmen dan



sumbangan kepada SDG 2030. Pembangunan *dashboard* ini dilengkapi dengan penggunaan *Blockchain Technology* yang membolehkan perkongsian data SDG dilaksanakan dengan *transparent* dan setiap aktiviti boleh direkod dengan cekap. *SDG Monitoring Dashboard* memaparkan laporan analitik yang diproses dan disusun bagi membolehkan keputusan yang bijak dan telus dibuat serta boleh meningkatkan analisis pembuat dasar, pemantauan dan pelaporan kemajuan di semua peringkat. Namun begitu, kejayaan Pembangunan *SDG Monitoring Dashboard* turut bergantung ketersediaan data melalui kerjasama strategik berterusan oleh semua kementerian dan agensi yang berkaitan dengan 244 indikator dalam merealisasikan '*Leave No One Behind*' atau Tiada Siapa Yang Ketinggalan.

Projek Statistics Big Data Analytics (StatsBDA)

DOSM telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan tiga projek utama di bawah projek STATSBDA merangkumi *structured data*, *unstructured data* dan *sentiment analysis* seperti berikut:

- i. **Structured data: Trade by Enterprise Characteristics (TEC)** di mana inisiatif ini adalah untuk memberi satu nilai tambah kepada statistik sedia ada tanpa perlu melaksanakan penyiasatan baru. Statistik yang dijana hasil daripada integrasi *Malaysia Statistical Business Register (MSBR)* dengan pangkalan data perdagangan antarabangsa dapat mengenalpasti ciri-ciri syarikat atau perniagaan yang terlibat dengan perdagangan antarabangsa seperti nilai eksport import mengikut sektor, mengikut status *Small to Medium enterprise (SME)* dan sebagainya.
- ii. **Unstructured data: Price Intelligence (PI)** adalah kaedah pungutan data harga untuk meningkatkan kualiti Indeks



Harga Pengguna (IHP) dimodenkan dengan menggunakan teknik *web scraping* daripada laman web yang berkaitan.

- iii. *Sentiment analysis: Public Maturity Assessment on Official Statistics* (PMAOS) adalah inisiatif untuk membolehkan DOSM untuk menilai sejauh mana penerimaan orang ramai terhadap statistik yang diterbitkan. Maklumat yang diperolehi daripada laman sosial seperti *facebook* dan *twitter* dapat membantu DOSM untuk menilai sama ada perkhidmatan statistik yang disediakan memenuhi kehendak dan keperluan pengguna.

Portal Banci dan Stats Geoportal

Portal Banci dan Stats Geoportal (www.mycensus.gov.my) dilihat sebagai *one stop centre* bagi penyebaran maklumat pra, semasa dan pasca banci serta menyediakan platform pemantauan operasi. Portal Banci merupakan gerbang kepada keseluruhan aplikasi Banci Penduduk dan Perumahan 2020 (Banci 2020) yang akan dilaksanakan oleh DOSM. Portal ini dibangunkan dan dihubungkan dengan Portal DOSM dengan fungsinya difokuskan kepada program Banci 2020.

Stats Geoportal pula merupakan aplikasi *Geospatial (GIS)* di mana data geospatial DOSM yang menggabungkan maklumat *spatial* dan *textual* dipaparkan dalam bentuk web. Ini membolehkan para pengguna dapat melihat maklumat statistik dalam bentuk *geospatial* di pelbagai peringkat geografi.

Portal Banci 2020 dan Stats Geoportal dibangunkan untuk menghasilkan pengurusan sistem maklumat Banci dan GIS yang lebih



fokus dan sistematik. Ia turut memperkasa serta memperkukuhkan penyampaian maklumat data banci dan data geospasial bagi kegunaan semua pengguna di samping menjadi platform kepada salah satu kaedah banci iaitu *e-census*.

Aplikasi My Local Stats

Buat kali pertamanya, DOSM memperkenalkan statistik di peringkat daerah dalam bentuk infografik yang lebih mudah untuk difahami oleh semua lapisan masyarakat. Maklumat ini diperkenalkan melalui aplikasi mudah alih sistem interaktif yang dikenali sebagai My Local Stats. My Local Stats dapat membantu pengguna untuk mengakses statistik sehingga peringkat daerah dan dengan ini dapat membantu kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam rancangan pembangunan tempatan masing-masing.

My Local Stats 1.0 (Fasa 1) menyediakan statistik terkini bilangan pertubuhan mengikut sektor utama daerah dan bagi tahun 2015, yang diperoleh daripada Banci Ekonomi. Selain itu, statistik kelahiran dan kematian serta anggaran penduduk mengikut daerah bagi tahun 2015 dan 2017 juga tersedia. Penemuan daripada Survei Pendapatan Isi Rumah iaitu statistik pendapatan penengah dan purata isi rumah, pekali gini serta insiden kemiskinan daerah bagi tahun 2014 dan 2016 turut dikongsikan.

Statistik di dalam My Local Stats akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Aplikasi *mobile apps* boleh dimuat turun secara percuma melalui peranti mudah alih Android dan IOS. Melalui pembangunan aplikasi MyLocal Stats ini, DOSM telah mendapat pengiktirafan dengan



memenangi Pingat Emas sempena Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2018.

KERJASAMA STRATEGIK

Dalam usaha merealisasikan aspirasi statistik mensejahterakan rakyat, DOSM terus meningkatkan sesi *engagement* bersama responden, agensi kerajaan, pihak swasta dan komuniti serta para pelajar. Bagi tahun kedua, DOSM telah menganjurkan Seminar Statistik Kependudukan dan Sosioekonomi Negeri: Ke Arah Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang telah diadakan pada bulan Ogos 2018 melibatkan pegawai-pegawai daripada semua Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) seluruh Negara beserta pegawai-pegawai daripada Wilayah-wilayah Pembangunan Ekonomi, kementerian dan agensi terpilih. Usaha ini bertujuan untuk berkongsi penggunaan statistik yang diterbitkan dan mendapatkan pandangan serta kerjasama daripada semua pihak dalam persiapan menghadapi pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Program-program literasi dan perkongsian seperti ini turut dilaksanakan di peringkat DOSM Negeri.

Sepanjang tahun 2018, DOSM telah menerima 64 lawatan daripada pelbagai agensi dan institusi seperti jabatan kerajaan, kumpulan pelajar Institusi Pengajian Tinggi, pelajar sekolah menengah dan lain-lain lagi. Bagi kunjungan hormat dan muhibah, DOSM telah menerima 31 kunjungan hormat daripada agensi dalam negara antaranya Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Monash University Malaysia, UNITEN,



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta Pertubuhan Industri Kreatif Digital Malaysia (PIKDM).

DOSM turut melaksanakan kunjungan hormat dan muhibah antaranya kepada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Ketua Menteri Pulau Pinang, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Ketua Pengarah PLAN Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. DOSM juga mengadakan beberapa lawatan kerja antaranya ke Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Melaka, Malaysia Palm Oil Board (MPOB) Wilayah Sarawak, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Negeri Perak, Sabah Animation Creative Content Centre dan Avago Technologies (Malaysia) Sdn Bhd.

Tiga Memorandum Persefahaman (MoU) bersama universiti juga telah dimeterai pada tahun ini. Universiti yang terlibat adalah Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Teknologi Petronas. Tambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan MoU yang telah dimeterai bersama universiti sehingga tahun 2018 adalah 17 buah universiti.

JALINAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Selaras dengan visi untuk menjadi organisasi terbilang di dunia menjelang 2020, DOSM sentiasa memastikan penglibatan aktif di arena antarabangsa. Sepanjang tahun 2018, DOSM telah menghadiri 91 program bertugas rasmi ke luar negara yang melibatkan 130 orang pegawai. Kehadiran mengikut kategori program adalah seperti berikut:



Perkara	Bilangan	
	Program	Pegawai
Mesyuarat	17	25
Kumpulan Pakar (<i>Expert Group</i>)	6	6
Kumpulan Kerja (<i>Working Group</i>)	6	7
Tenaga Pengajar	7	7
Kursus/ Bengkel	40	60
Seminar/ Persidangan	13	22
Lawatan Kerja	2	3
Jumlah	91	130

Berdasarkan keupayaan DOSM, komitmen yang tinggi dan penglibatan yang aktif oleh pegawai-pegawai, hampir 90% penyertaan DOSM mendapat tajaan agensi dan badan-badan antarabangsa.

Di samping pengiktirafan dilantik sebagai pengerusi OIC StatCom dan ESCAP, pada tahun 2018, DOSM telah diiktiraf dengan beberapa lagi pelantikan di peringkat antarabangsa seperti berikut:

- i. *Co-Chair Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC-StatCom (2018-2024);*
- ii. *Member of the Friends of The Chair Group on The Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS), 2018-2019 - UNSC;*



- iii. *Member of the City Group UN iaitu Praia Group and Washington Group - UNSC;*
- iv. *Expert Group on Compilation Guide for Tourism Satellite Account - UN World Tourism Organization; dan*
- v. *Member of the Head of Commonwealth Statistics Community, 2018.*

Pada tahun 2018, DOSM juga telah menerima 17 lawatan dan kunjungan daripada beberapa Kedutaan, *National Statistics Office* (NSO) dan agensi luar negara antaranya seperti Duta Belgium, Duta Azerbaijan, Indonesia, Cambodia, Lao PDR, Myanmar, Vietnam, Iraq, Arab Saudi, Nepal, Bangladesh, World Bank ASEAN Secretariat, ASEAN Development Bank dan International Labour Organization (ILO).

SEMANGAT SAYANGKAN DOSM

Alhamdulillah, pada tahun ini, momentum penganjuran dan penyertaan terhadap aktiviti *Work Life Balance* seperti FitDOSM berlangsung dengan lancar dan jayanya pada setiap minggu sepanjang tahun 2018. Aktiviti sebegini dapat menyegarkan dan menyihatkan tubuh badan di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan antara warga DOSM dan seterusnya melahirkan warga DOSM yang sihat dan dapat melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan. Syabas diucapkan kepada semua warga DOSM!!!



Bagi mengeratkan lagi ukhuwah keluarga DOSM, terutamanya kepada para pesara, DOSM telah menubuhkan Kelab Alumni Statistik (KLASIK) pada tahun ini yang digerakkan oleh beberapa orang pesara DOSM. Antara tujuan penubuhan KLASIK ini adalah untuk mengumpul/menyatukan para pesara DOSM di seluruh Negara dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dari semasa ke semasa. Harapan saya agar penyertaan para pesara dalam KLASIK mendapat sambutan yang baik dan hubungan yang terjalin berkekalan.

CABARAN TAHUN 2019

Kajian Separuh Penggal RMKe-11

Kajian Separuh Penggal RMKe-11 yang dilaksanakan oleh Kerajaan dengan keutamaan dan penekanan baharu adalah bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menggariskan sasaran sosiekonomi bagi tempoh 2018 hingga 2020. Kajian separuh penggal ini mengambil kira aspirasi kerajaan, cabaran ekonomi dan tren global semasa. Prinsip tadbir urus yang baik, institusi yang mantap serta integriti dan akauntabiliti yang lebih tinggi disaran untuk diperkukuhkan. Dalam konteks ini, DOSM menyokong usaha ini dan senantiasa bersedia untuk membantu Kerajaan dalam menerbitkan laporan-laporan yang berkaitan bagi pemantauan pelaksanaan perancangan dan pembangunan Negara.



Revolusi Perindustrian Keempat

Begitu juga dengan Revolusi Perindustrian yang kini telah memasuki peringkat keempat atau lebih dikenali sebagai IR 4.0, iaitu evolusi sistem pengkomputeran dan proses automasi berlaku dengan pesat. IR 4.0 juga merupakan era *Internet-of-things* (IOT) dengan peranti pintar saling berhubungan melalui internet.

Kita tidak mempunyai pilihan selain menerima teknologi terkini ini dan secara beransur-ansur membuang cara lapuk atau tradisional dalam melaksanakan tugas. Ia boleh dilakukan melalui penggunaan teknologi yang mampu mempercepatkan proses penghasilan produk dan perkhidmatan statistik. Selain itu, penyelarasan sistem penguatkuasaan dan dasar baru juga perlu dibuat melalui pemerkasaan undang-undang, termasuk pindaan Akta Perangkaan 1965 bersesuaian dengan cabaran dalam era IR 4.0.

62nd ISI WSC 2019

Malaysia telah diberi pengiktirafan kerana buat julung kalinya terpilih menjadi tuan rumah bagi 62nd *International Statistical Institute World Statistics Congress* (ISI WSC) 2019 yang akan berlangsung pada 18 hingga 23 Ogos 2019. DOSM berkolaborasi dengan Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia selaku penganjur persidangan ini yang akan mengumpulkan kira-kira 2,500 ahli statistik dan pengamal dari semua bidang, sama ada industri, akademik dan kerajaan atau pelajar, penyelidik dan pembuat dasar dari lebih 130 buah negara. Para peserta akan bersama-sama berkongsi pandangan mengenai



pembangunan dalam statistik, sains statistik dan aplikasi yang menyokong analisis, penyelidikan, pengawasan dan membuat keputusan. Selain Program Saintifik yang diadakan, beberapa program lain seperti *Satelite Seminar*, mesyuarat dan kursus pendek juga akan dianjurkan sebagai acara sebelum dan selepas kongres.

ISI WSC 2019 ini akan menjadi platform untuk perhimpunan global para pengamal statistik, profesional dan pakar dari industri, akademik dan pihak berkuasa untuk bertukar pandangan dan pengetahuan di samping mewujudkan rangkaian kerja serta kerjasama strategik di masa hadapan. Kira-kira 1,300 kertas dalam pelbagai disiplin statistik dan aplikasi akan dibentangkan dan dibincangkan dalam tempoh lima hari bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Penyertaan bagi program berprestij ini terbuka kepada semua dan sistem pendaftaran atas talian boleh diakses melalui www.isi2019.org bermula 1 Disember 2018 hingga 4 Ogos 2019.

Melalui penganjuran program berprestij ini, ia akan menjadi ruang terbaik bagi warga DOSM dan juga komuniti statistik dalam dan luar negara, dalam menimba ilmu statistik terkini merangkumi metodologi, sistem aplikasi statistik, serta teknik penyelidikan statistik yang melibatkan pelbagai sektor di samping menguji kebolehpayaan warga DOSM dalam aspek semangat kebersamaan, *networking* serta pengurusan masa yang berkesan.

Banci Penduduk dan Perumahan 2020

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (*MyCensus 2020*) merupakan banci yang ke-6 yang akan dilaksanakan oleh DOSM pada



Julai 2020 dan berpandukan *Malaysia Census Transformation Programme* (MyCTP) yang merangkumi elemen inovasi berasaskan ICT selari dengan *Malaysia National Development Strategy* (MyNDS) dalam RMKe-11. Bagi memastikan MyCTP dapat direalisasikan dan memenuhi salah satu kerangka yang digariskan, DOSM telah membangunkan sistem *Malaysia Intergrated Population Census System* (MyIPCS). Ia merupakan sistem yang komprehensif dan bersepadu yang melibatkan proses sebelum, semasa dan selepas banci merangkumi pembangunan 10 sistem utama yang akan digunakan dalam MyCensus 2020.

Pelaksanaan MyCensus 2020 juga mengambil kira amalan terbaik negara luar dan menekankan modenisasi dalam pelaksanaannya. Kerjasama strategik dan integrasi data pentadbiran daripada Agensi Kerajaan (OGA) lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menjadi penanda aras kepada penghasilan pangkalan data alamat dan penduduk yang menyeluruh untuk keperluan negara. Penggunaan gabungan beberapa mod pembancian pada kali ini telah dicadangkan iaitu 40 peratus bagi *Computer-Assisted Personal Interview* (CAPI), 30 peratus bagi *e-Census*, 20 peratus bagi temu ramah bersemuka atau *Paper-and-Pen-Interview* (PAPI), 5 peratus bagi *Drop-Off-Pick-Up* (DOPU) dan 5 peratus bagi *Computer-Assisted Telephone Interview* (CATI). Justeru itu, komitmen dan kerjasama semua bagi menjayakan dan merealisasikan MyCensus 2020 amatlah diperlukan terutamanya semasa aktiviti persediaan yang lebih rancak akan dijalankan pada tahun 2019 ini.



ASPIRASI TAHUN 2019

Dengan penuh harapan tinggi berdasarkan komitmen yang ditunjukkan semasa 2018, saya amat yakin seluruh warga DOSM akan melangkah ke tahun 2019, dengan lebih bersedia dengan cabaran revolusi industri 4.0 dan era ekonomi digital yang bakal mengubah norma kehidupan, kerjaya dan hubungan sesama manusia.

“Selamat Tahun Baru 2019” saya ucapkan kepada semua komuniti statistik pelengkap kepada sistem statistik negara , khususnya juga buat seluruh warga DOSM. Semoga permulaan tahun 2019 ini akan memberi keazaman, kesungguhan dan semangat yang lebih kental kepada kita semua.

Marilah kita sama-sama berdoa supaya sepanjang tahun 2019 ini kita diberkati dengan kekuatan fizikal dan mental serta kebijaksanaan dan kesihatan bagi menyempurnakan tanggungjawab dan amanah pada tahun ini. Dan semoga kita sama-sama dapat bergerak dengan penuh iltizam untuk mencorak dan memajukan negara dalam apa jua bidang yang kita lakukan.

Selamat Menyambut Tahun Baru.

Sekian.

Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikumwarahmatullahi
wabarakatuh.